



Sistem Pendidikan Baru Malaysia: Suatu Pendekatan Holistik-Komprehensif

Saadon Awang*

College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: saadon@uum.edu.my

ABSTRAK

Dasar Pendidikan Negara telah melahirkan Sistem Pendidikan Malaysia yang mengikut acuannya tersendiri. Sistem ini telah mencapai usia melebihi 40 tahun pada hari ini dengan melalui berbagai pindaan dan perubahan mengikut peredaran masa. Usia yang begitu lama bagaimanapun, tidak menjamin Sistem Pendidikan Malaysia muncul sebagai satu sistem yang terunggul. Pengaruh perubahan struktur politik, ekonomi dan sosial dalam dan luar negara telah menyebabkan sistem ini gagal memainkan peranan sebagai institusi yang melahirkan modal insan berkualiti di masa hadapan. Malahan kelemahan sistem pendidikan ini tidak dapat menghalang negara daripada dihindangi oleh tiga penyakit, iaitu gejala sosial, buta huruf dan pengangguran, di samping wujudnya ketidakadilan sosial akibat pembuatan keputusan yang tidak tepat. Individu yang dihindangi oleh penyakit-penyakit sosial ini boleh dianggap sebagai 'individu-individu yang tidak berguna' kepada negara. Artikel ini cuba memperkenalkan satu alternatif sistem pendidikan baru yang lebih lengkap, menyeluruh dan berterusan untuk mengelakkan berlakunya tapisan keluar 'individu-individu yang tidak berguna' tadi. Artikel berkonsepkan pengajuan dasar (*policy articulation*) ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah temu bual, kajian perpustakaan, semakan bahan-bahan terbitan beberapa agensi awam kerajaan, dan pernah dibincangkan dalam seminar peringkat kebangsaan untuk mendapat input-input berguna yang berkaitan bagi mengukuhkan penghujahan.

Katakunci: *sistem pendidikan, pengajuan dasar, ketidakadilan sosial, modal insan*

The New Malaysian Education System: A Holistic-Comprehensive Approach

ABSTRACT


The National Education Policy has produced the so-called Malaysian Education System in its own mould. The more than 40-year old system has, over the years, undergone through several changes and revisions. The length of the period, however, does not guarantee the system to emerge as one of the leading policies in the country. The effects of both internal and external political, economic and social structures have caused a failure to this education system to function as an institution capable of generating quality human capital in the future. More so, this poor education system also failed to defend the country from being infected by the three epidemics namely, social problems, illiteracy, and unemployment, besides the existence of social inequality resulting from poor policy decision making. Those individuals affected by the epidemics are considered as 'idle groups' to the country. This article offers a new alternative education system, more holistic, comprehensive and continuous in nature, which can avoid the filtering out of 'idle groups'. This article which bears a 'policy articulation' concept is prepared through a method which blends together interviews, library research, review of publications of some government agencies, and have been discussed at local seminars aimed at gathering relevant inputs for strengthening the debate.

Keywords: *education system, articulation policy, social inequality, human capital*

PENDAHULUAN

Kerajaan memainkan peranan penting di dalam proses pembuatan dasar negara untuk kesejahteraan rakyatnya. Ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa dasar-dasar awam kerajaan itu merupakan keputusan kerajaan sama ada untuk membuat atau tidak membuat sesuatu (*Dye, 1995*). Walau bagaimanapun, proses pembuatan dasar-dasar awam kerajaan itu biasanya melalui satu sistem (*Easton, 1917, trnsnl., 1984*) yang bermula daripada proses input hinggalah kepada output itu disempurnakan, khususnya proses politik sesebuah negara (Rajah 1).


Rajah 1
Pusingan Model Sistem Dasar Awam



Diadaptasi daripada Easton (1917 transl.1984). *Kerangka Kerja Analisa Sistem Politik*. Jakarta: Bina Aksara

Kedudukan ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa tahap di mana pengkajian dasar awam itu boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, kebanyakan karya penulisan dan penyelidikan (Wan Azmi Ramli (1991), Ahmad Atory Hussain (1985, 1990, 2000), White (1982), Tatalovich et al. (1988), Blackwell et al. (1995), INTAN (1994), Kementerian Penerangan Malaysia (1989) dan penyelidikan-penyelidikan UUM lebih menumpukan kepada pelaksanaan dan kesan-kesan (penilaian) sesuatu dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Ini menyebabkan tahap di mana proses input dasar awam itu dimulakan seolah-oleh diabaikan. Inilah sebabnya kebanyakan tindakan kerajaan mengambil masa yang lama untuk diperbetulkan. Contohnya, tempoh dari satu pilihanraya ke satu pilihanraya yang lain mengambil masa sekurang-kurangnya lima tahun. Ianya ibarat mencari ubat yang lian untuk mengubati sesuatu penyakit yang sudah mencapai tahap yang semakin parah. Tindakan belajar melalui kesilapan (*trial and error*) bukanlah satu langkah yang terbaik apabila ianya melibatkan satu khalayak yang ramai, iaitu orang awam. Jika dalam masyarakat yang lebih maju, biasanya kerajaan yang memegang kuasa akan menghadapi satu suasana yang kurang popular.

Rajah 2
Model Dasar Awam Masa Kini




Sumber: Gambaran Penulis untuk Penjelasan Kosep (belum diterbitkan)

Artikel konsep ini merupakan sat percubaan untuk menetengahkan satu dimensi baru dalam bidang penulisan dan penyelidikan dasar awam. Ia mengutarakan pendekatan artikulasi dasar awam (*policy articulation*), iaitu menetengahkan 'idea sebagai input' untuk memperkenalkan dasar awam. Dalam konteks aliran komunikasi, ia merujuk kepada satu bentuk aliran menegak (*vertical*) secara bawah ke atas (*bottom-up*), berbanding secara atas ke bawah (*top-down*) yang sering diamalkan masa kini (rujuk Rajah 2 dan Rajah 3).

Terdapat berbagai perkara yang boleh menjadi input dasar awam. Salah satu daripadanya ialah berdasarkan pendapat umum (*public opinion*). Lain-lain adalah seperti wujudnya isu dan masalah tertentu, cadangan dan nasihat dari badan-badan penasihat, perkembangan politik, ekonomi dan sosial, serta keputusan-keputusan tertentu oleh kerajaan yang memegang kuasa.

Artikel ini memilih sistem pendidikan Malaysia sebagai skop artikulasi dasar awam yang dicadangkan dengan menetengahkan pendekatan secara lengkap, menyeluruh dan berterusan melalui Pendekatan Holistik dan Komprehensif.

Rajah 3
Model Dasar Awam Dicapangkan



Sumber: Gambaran Penulis untuk Penjelasan Kosep (belum diterbitkan)

LATAR BELAKANG MASALAH

Negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih 40 tahun yang lalu. Selama itulah juga kita memperkenalkan dasar pendidikan yang sesuai dengan sistem sosial mengikut acuan kita walaupun sistem peninggalan penjajah terus menjadi model rujukan utama. Jika diibaratkan perkembangan usia seorang manusia, ia sudah mencapai tahap dewasa. Bagaimanapun, kita masih belum dapat menentengahkan satu sistem pendidikan yang menjadi teras kepada kesejahteraan dan kebahagiaan (*wellness and well-being*) seluruh rakyat. Ini dapat digambarkan melalui permasalahan-permasalahan situasi (*situational problems*) ekoran daripada sistem pendidikan yang tidak kukuh. Di antara contoh permasalahan situasi yang biasa kita dengan ialah seperti di bawah.

Situasi 1

Kadar pengangguran yang semakin meningkat. Kini pengangguran di kalangan siswazah mencapai tahap kritikal. Pengangguran biasanya disebabkan oleh tiga faktor, iaitu tidak dapat kerja, tidak minat kerja dan memang tidak layak mendapat kerja.

Situasi 2

Masalah gejala sosial di negara ini semakin meningkat terutamanya di kalangan remaja. Kajian Mahmood Nazar et al. (1998) menunjukkan bahawa remaja yang tidak bersekolah akan menyumbang kepada kadar gejala sosial yang lebih tinggi. Di antara gejala-gejala sosial yang melibatkan remaja adalah seperti merokok, vandalisme, menghisap dadah, melepak dan minum arak.

Situasi 3

Ketidakadilan di dalam proses melaksanakan tanggung jawab dan mengagihkan sumber oleh kerajaan kepada rakyat. Contohnya, sebelum ini pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang tidak cekap menyebabkan golongan tertentu merasa teraniaya. Menurut sebilangan ibu bapa yang ditemubual (2005; 2008), skim ini gagal mempertimbangkan pendapatan benar isi rumah sebagai kriteria pengagihan buku-buku teks dengan tepat. Walaupun kini SPBT telah diperluaskan kepada semua pelajar, penentuan berasaskan garis pendapatan masih digunakan dalam menentukan pengagihan sumber-sumber lain seperti yuran sekolah, kelas-kelas tambahan, biasiswa dan kemasukan ke sekolah-sekolah elit.

Situasi 4

Berlakunya kekurangan graduan-graduan dalam bidang-bidang tertentu. Ini kerana negara tidak dapat membuat unjuran (*projections*) jangka panjang sejak peringkat awal kerana sepanjang proses pendidikan, ramai yang akan 'ditapis keluar' daripada sistem. Ini juga mempunyai hubungan dengan prosidur kemasukan ke institusi pengajian tinggi yang tidak konsisten, sama ada menggunakan asas meritokrasi atau berdasarkan sistem kuota.

Situasi 5

Negara masih belum mencapai kadar celik huruf sepenuhnya di kalangan penduduk. Ini mungkin berlaku kerana 2 sebab utama, iaitu:

- a. tiada kawalan untuk menahan individu-individu keluar daripada sistem pendidikan sejak awal (contohnya: setelah tamat Tahun 6, atau Tingkatan 3); dan
- b. tiada saluran alternatif bagi individu untuk terlibat dalam sistem pendidikan sekiranya mereka terkeluar daripada sistem berkenaan. Contohnya, jika mereka tidak berminat lagi untuk ke sekolah biasa, perlulah 'diwajibkan' mereka memasuki aliran kemahiran atau 'memberi sumbangan tenaga kerja' dalam sektor-sektor tertentu yang disediakan oleh kerajaan.

Situasi 6

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) menghadapi krisis kewangan. Krisis pembiayaan pendidikan ini merupakan masalah yang sama dihadapi oleh badan-badan penaja kerajaan yang lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Situasi 7

Beberapa industri berkaitan, terutamanya industri nasional sedang menghadapi masalah sedangkan industri-industri ini dapat dijadikan ejen sokongan kepada sistem pendidikan negara. Contohnya, industri automotif, perkapalan dan beberapa jenis industri kecil dan sederhana (IKS).

Adalah dipercayai bahawa masalah-masalah ini wujud disebabkan oleh satu sistem pendidikan yang tidak dapat membendungnya secara mendalam dan menyeluruh. Ini menyebabkan sistem ini mengeluarkan 'individu-individu yang tidak berguna' (*idle groups*) kepada pembangunan ekonomi, politik dan sosial negara. Sepatutnya sistem yang diperkenalkan tidak terus menapis mereka keluar daripada sistem, sebaliknya menjuruskan mereka kepada bidang-bidang sokongan untuk membantu pembangunan negara.

OBJEKTIF

Penulisan artikel ini bertujuan mencapai beberapa objektif seperti berikut. Objektif umumnya adalah untuk mengajukan (*articulate*) satu dasar pendidikan baru sebagai alternatif kepada sistem pendidikan yang sedia ada di Malaysia.

Objektif-objektif khususnya pula adalah untuk:

1. mengajukan cadangan dasar awam secara *bottom-up* sebagai satu input dari perspektif pendapat orang awam (*public opinion*)
2. mencadangkan satu alternatif dasar awam sebagai usaha mengatasi berbagai masalah yang dilihat secara mendalam dan menyeluruh
3. memulakan langkah kepada penglibatan orang awam dalam proses pembuatan dasar awam negara
4. mengubah model Sistem Pendidikan Malaysia kepada model yang dapat membendung keluarnya 'individu-individu yang tidak berguna' (*idle groups*) kepada pembangunan sistem politik, ekonomi dan sosial negara.

BEBERAPA KONSEP YANG BERKAITAN DENGAN SISTEM DAN BIDANG PENDIDIKAN

Artikel ini membincangkan beberapa konsep yang mempunyai kaitan dengan sistem dan bidang pendidikan, khususnya di Malaysia. Pertamanya, konsep 'dasar awam'. Dasar awam merupakan satu konsep yang merujuk 'pelan tindakan' oleh kerajaan dalam menangani ataupun bertindakbalas terhadap isu-isu atau keadaan-keadaan tertentu. Seperti yang dijelaskan oleh Dye (1995), dasar awam merupakan keputusan kerajaan untuk membuat atau tidak membuat sesuatu tindakan. Dasar awam boleh datang daripada beberapa sumber seperti:

1. manifesto kerajaan
2. *think tank*, pegawai-pegawai atau penasihat-penasihat kerajaan
3. pandangan orang awam (*public opinion*)
4. persekitaran seperti isu-isu, malapetaka, bencana alam dan tekanan-tekanan oleh pihak-pihak luar

'Sistem' merupakan satu pusingan lengkap yang dipenuhi oleh proses-proses pada setiap tahap tertentu. Model Sistem pernah diutarakan oleh *Easton (1917)* bagi menggambarkan satu pusingan lengkap dalam sesuatu proses pembuatan keputusan oleh kerajaan. Pembuatan dasar awam boleh menggambarkan Model Sistem ini dengan merujuk kepada proses menterjemahkan input kepada output (*translating input into output*) dalam bentuk pelaksanaan tindakan kerajaan.

'Proses' merupakan aktiviti-aktiviti atau langkah-langkah yang dijalankan untuk melengkapkan sesuatu sistem. Tanpa adanya proses, keberkesanan dan kecekapan sesuatu sistem tidak dapat diukur, dan pusingan sesuatu sistem tidak akan menjadi lengkap.

'Individu yang tidak berguna' (*idle groups*) di dalam konteks perbincangan artikel ini merupakan individu yang tidak memberikan sumbangan di dalam proses pembangunan negara walaupun pada dasarnya mereka menjadi sebahagian daripada gunatenaga yang diperlukan. Contohnya seperti penganggur, pesalah-pesalah sosial dan jenayah besar, serta golongan buta huruf.

'Tapisan' merupakan tahap-tahap di mana ujian dan penilaian dilakukan dalam sistem pendidikan menyebabkan individu-individu yang tidak berguna itu terkeluar daripada sistem pendidikan nasional. Contohnya seperti peringkat Penilaian Menengah Rendah di Tingkatan Tiga dan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Tingkatan Lima persekolahan menengah.

'Model Holistik-Komprehensif' merupakan satu pendekatan yang melihat dan menyelesaikan sesuatu fenomena secara mendalam dan menyeluruh. Dalam konteks sistem pendidikan ini, model ini membincangkan sistem itu sendiri secara mendalam dan persekitarannya secara menyeluruh. Kupasan dan cadangan penyelesaian sesuatu fenomena yang dikaji akan melibatkan perspektif vertikal dan horizontal.

PRA-SYARAT PENCAPAIAN PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG

Pendidikan merupakan satu alat penting kepada pembangunan sesebuah negara. Setiap negara perlu memastikan sistem pendidikan benar-benar dapat menjamin pembangunannya yang seimbang; lahiriah dan bathiniyah (fizikal dan spiritual).

Terdapat beberapa pra-syarat untuk mencapai pembangunan yang seimbang. Prasyarat-prasyarat tersebut adalah:

1. Semangat kebangsaan (*nasionalisme*) yang tidak berbelah bagi

Seseorang yang ingin menggerakkan sistem pendidikan nasional perlulah mempunyai semangat juang yang tulen demi membela bangsa dan tanah airnya. Tanpa semangat ini gejala-gejala tidak sihat akan mudah meresap masuk dan menjadi penghalang kepada hasrat untuk melaksanakan usaha ke arah mewujudkan sebuah negara yang kukuh dan stabil. Contohnya, rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan konflik kepentingan (*conflict of interest*) yang boleh menyumbang kepada masalah-masalah situasi seperti yang dibincang terdahulu.

2. Kejujuran

Kejujuran amat penting untuk menyokong semangat kebangsaan tadi. Kejujuran akan membuatkan individu yang tertlibat menjalankan tanggung jawab (*responsibility*) dan kebertanggungjawaban (*accountability*) berdasarkan objektif-objektif dan matlamat yang ditetapkan. Dengan itu segala tindakan akan dapat dihalakan ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan dengan sewajarnya.

3. Keikhlasan

Keikhlasan juga merupakan elemen yang turut menyokong semangat kebangsaan tadi. Keikhlasan akan mewujudkan sikap tekun bekerja tanpa mengharapkan ganjaran atau pembalasan. Bagi mereka, yang penting ialah tercapainya matlamat pembangunan negara secara keseluruhannya.

4. Non-partisan

Negara kita merupakan sebuah negara demokratik, walaupun sistem beraja menjadi simbol di puncak pemerintahan. Berdasarkan sistem demokrasi, setiap individu mempunyai hak dan kebebasan untuk mengasosiasikan (*associated*) diri dan pemikirannya kepada mana-mana ideologi politik. Politik kepartian telah menjadi salah satu ciri pentadbiran negara ini.

Walau bagaimanapun, sikap tidak memihak dalam bentuk non-partisan adalah dituntut supaya dasar pendidikan ini sebenarnya akan membantu membina bangsa dan membangunkan negara, bukannya hanya bertujuan mengisi manifesto mana-mana parti politik. Dasar ini sebenarnya untuk faedah semua rakyat Malaysia, bukan hanya ditujukan kepada ahli mana-mana parti politik.

SISTEM PENDIDIKAN NEGARA MALAYSIA

Dasar pendidikan yang ingin dicadangkan ini mengambilkira satu perspektif yang mendalam, terperinci dan menyeluruh (*holistic and comprehensive*). Ianya bukan sahaja bertujuan untuk menguruskan individu semasa di alam pengajian tetapi juga menguruskan mereka di alam selepas pengajian itu. Ini bermaksud setiap rakyat tidak akan dibiarkan keluar daripada sistem ekonomi, politik dan sosial negara sebagai seorang 'individu yang tidak berguna' (*idle*).

Perbincangan dasar ini mengambilkira masalah-masalah situasi yang diutarakan sebelum ini. Selama lebih 40 tahun mencapai kemerdekaan, Malaysia banyak mewarisi kesan-kesan daripada penindasan (*oppression*) dan strategi-strategi pendidikan yang digunakan oleh penjajah untuk mencapai cita-cita mereka. Contohnya, berbagai galakan untuk mewujudkan sekolah-sekolah vernakular dan juga tumpuan kepada bidang-bidang pendidikan mengikut kaum. Ini telah mewujudkan kesan lanjutan yang boleh membantutkan perkembangan program dan dasar pendidikan negara. Contohnya, pengenalan ekonomi melalui bidang pekerjaan mengikut kaum dan juga kadar buta huruf yang tinggi bagi kaum-kaum tertentu yang sengaja tidak diberi perhatian. Perkembangan pendidikan juga tidak seimbang berdasarkan pembahagian mengikut wilayah geografi. Hari ini, masih terdapat pelajar-pelajar yang terpaksa menaiki kenderaan sendiri atau berjalan kaki berbatu-batu jauhnya untuk pergi ke sekolah mereka (*Pengetua MPSAH, 2005*). Sekolah-sekolah juga masih terpisah mengikut kategori bandar dan luar bandar, sesuatu yang sepatutnya telah tiada lagi bagi sebuah negara yang begitu agresif menuju ke taraf sebuah negara maju.

Permasalahan ini sebenarnya boleh diatasi dengan merombak dan memodifikasikan Sistem Pendidikan Negara ketika ini kepada satu sistem pendidikan yang lengkap dan terperinci dengan menggunakan model holistik dan komprehensif seperti ciri-ciri yang dibincangkan berikut.

1. Tempoh pendidikan wajib

Kerajaan perlu mengambil tanggung jawab sepenuhnya memastikan setiap warganegaranya mendapat 'pendidikan asas wajib' untuk mengeluarkan dirinya daripada lingkungan buta huruf dan menyediakan diri untuk menghadapi alam pekerjaan, sekurang-kurangnya dapat melepasi keperluan asas untuk hidup berdikari. Dicapangkan tahap Tingkatan Tiga persekolahan menengah adalah paling sesuai untuk dijadikan tempoh pendidikan asas wajib tersebut.

2. Kemudahan ke sekolah

Satu kemudahan penting untuk seseorang itu dapat ke sekolah ialah pengangkutan. Adalah dicadangkan supaya kerajaan dapat mengambil tanggung jawab menyediakan pengangkutan dari rumah ke sekolah dan balik ke rumah dengan sepenuhnya. Pengangkutan boleh disediakan dalam bentuk kenderaan darat atau kenderaan air berdasarkan stesen-stesen pengambilan yang ditetapkan. Pengangkutan-pengangkutan sambungan (*connecting transportation*) seperti basikal boleh disediakan dalam bentuk pinjaman khas kerajaan.

3. Pinjaman buku teks

Skim bantuan buku teks perlu dirombak supaya semua pelajar sekolah sehingga Tingkatan Enam mendapat bekalan buku teks secara pinjaman yang perlu dibayar balik pada satu masa yang akan ditentukan. Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang sedang diaplikasi tidak akan menjadi praktikal kepada murid dan ekonomikal kepada kerajaan kerana faktor kurikulum yang sering berubah untuk memenuhi keperluan semasa negara. Jika bentuk pinjaman diperkenalkan, tidak akan timbul lagi masalah stok atau lambakan buku lama yang terpaksa dimusnahkan. Sebaliknya buku-buku akan menjadi milik simpanan murid-murid yang berkenaan.

4. Pinjaman pelajaran bagi yang memerlukan

Skim biasiswa pendidikan kerajaan, anak miskin, yuran asrama, makanan percuma dan sebagainya perlu dirombak semula. Sebaliknya satu pekej pembiayaan pelajaran perlu disediakan sejak dari peringkat sekolah rendah lagi bagi semua yang memasuki alam persekolahan. Konsep bantuan ini perlu ditukar kepada satu skim yang mengikut model pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) walaupun seseorang murid hanya menamatkan pengajiannya di peringkat pendidikan wajib Tingkatan Tiga sahaja. Jika seseorang murid bertukar ke alam pengajian di institusi pengajian tinggi, pinjaman yang sedang diberi akan diteruskan dan ditukar (*convert*) kepada skim pinjaman PTPTN yang sebenar.

5. Menyediakan peluang pekerjaan

Kerajaan mestilah memikul tanggung jawab menyediakan peluang pekerjaan kepada lepasan sekolah (bermula di tahap tamat persekolahan wajib Tingkatan Tiga) dan lepasan IPT. Peluang-peluang pekerjaan boleh dalam bentuk sementara (secara *apprentice*) dan tetap.

CADANGAN-CADANGAN PENYELESAIAN

Cadangan-cadangan di atas memerlukan beberapa kaedah penyelesaian. Ini disebabkan oleh beberapa faktor lanjutan yang akan timbul ekoran daripada beberapa pendekatan baru yang diperkenalkan untuk menarik dan memudahkan proses pendidikan. Di antara kaedah-kaedah penyelesaian yang dicadangkan adalah:

1. Penguatkuasaan pendidikan asas wajib

Satu akta baru atau modifikasi akta sedia ada berkaitan tempoh pendidikan wajib perlu diperkenalkan. Ini bertujuan membolehkan penguatkuasaan dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab. Contohnya, mengenakan tindakan kepada individu atau waris yang tidak menyekolahkan seseorang individu sehingga

ke peringkat minimum pendidikan asas wajib. Akta ini juga boleh menyentuh tentang pengangkutan, pinjaman dan bayaran balik pinjaman kerajaan.

2. Pengkalan data setiap individu

Satu pengkalan data lengkap bagi setiap individu hendaklah disediakan dan disimpan oleh kerajaan bermula tarikh pertama kali individu berkenaan menjejak kaki ke alam persekolahan (dicadangkan pada peringkat pra-sekolah lagi). Pengkalan data ini bertujuan menyimpan maklumat individu bagi tujuan menyediakan peruntukan (oleh kerajaan dan kepada individu), kemahiran (pilihan di institusi pengajian dan penempatan individu), dan juga menyediakan jadual pembayaran balik pinjaman pembiayaan pendidikan kemudian.

3. Pengenalan kurikulum bersepadu kebangsaan

Satu kurikulum pendidikan yang lengkap perlu diperkenalkan dengan mengambilkira faktor bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa utama lain sebagai bahasa pengantar, dan faktor agama sebagai teras pembelajaran. Ini bertujuan melengkapkan kurikulum pendidikan sebagai satu asas pembentukan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah diri individu sebagai persediaan menjadi seorang warganegara ataupun pekerja yang berguna kepada masyarakat.

4. Pengenalan sistem persekolahan kebangsaan

Satu perkara yang sering menjadi kontroversi tentang sistem persekolahan di negara ini ialah keputusan tentang bahasa pengantar bagi sekolah-sekolah vernakular yang wujud. Kerajaan perlu menghapuskan sistem sekolah berdasarkan pengenalan mengikut kaum dan memperkenalkan hanya satu sistem sekolah kebangsaan dengan mewujudkan pilihan pengkhususan (seperti agama, bahasa, sastera, sains, akademik atau vokasional) pada satu tahap tertentu (Contohnya pada permulaan pengajian persekolahan menengah).

5. Pendidikan akademik dan pendidikan teknikal/vokasional

Sistem pendidikan di sekolah perlu dibahagikan kepada sistem pendidikan akademik atau pendidikan teknikal/vokasional seperti yang diamalkan sekarang. Ini bertujuan mengimbangi keperluan tenaga kerja untuk membangunkan negara di masa hadapan dengan mengikut perancangan dan pengunjuran kerajaan yang lebih tepat. Ia juga dapat memenehui keperluan-keperluan pelbagai di kalangan pelajar yang datang dari berbagai latar belakang dan kekuatan (*background and strength*).

6. Pakej pembiayaan pelajaran

Kerajaan perlu memperkenalkan satu pakej pembiayaan pelajaran sejak dari pra sekolah sehinggalah menamatkan pengajian mereka di mana-mana tahap selepas mendapat pendidikan asas wajib Tingkatan Tiga (sehinggalah ke tahap pengajian tinggi). Adalah dicadangkan pakej pembiayaan pelajaran individu mengambilkira komponen-komponen berikut:

- a) pinjaman buku teks (baru atau terpakai) dan dipulangkan, ATAU
- b) pinjaman buku teks tidak dipulangkan (pilihan), DAN
- c) caj asrama (pilihan), DAN
- d) skim bantuan makan (pilihan), DAN
- e) skim bantuan pakaian (pilihan), DAN
- f) tambang pengangkutan ke sekolah, DAN
- g) pinjaman tabung pendidikan tinggi

7. Jumlah dan pembayaran balik pinjaman pakej pembiayaan pelajaran

Jumlah pinjaman dan jadual pembayaran balik pinjaman pakej pembiayaan pelajaran perlu diperkenalkan oleh kerajaan. Adalah dicadangkan agar jumlah pembiayaan ke atas seseorang individu mengambilkira perkara-perkara berikut:

- a) bilangan buku teks yang dipinjam dan dipulangkan (baru atau terpakai dibezakan), CAMPUR
- b) bilangan buku teks yang tidak dipulangkan, CAMPUR
- c) kos keseluruhan selama tinggal di asrama, CAMPUR
- d) kos keseluruhan bantuan makan di sekolah yang diterima, CAMPUR
- e) kos keseluruhan bantuan pakaian yang diterima, CAMPUR
- f) kos keseluruhan tambang pengangkutan yang digunakan, CAMPUR
- g) jumlah keseluruhan pinjaman tabung pendidikan tinggi yang diambil

Manakala jadual pembayaran balik pinjaman pakej pembiayaan pendidikan tersebut adalah berdasarkan keadaan-keadaan berikut:

- a) apabila seseorang mendapat pekerjaan dengan pendapatan tetap. Ini dapat ditentukan (dikesan) melalui penyata gaji kakitangan awam atau swasta yang dihubungkan dengan pengkalan data kerajaan.
- b) peratus daripada jumlah gaji boleh digunakan sebagai asas pengiraan minimum bayaran balik tersebut. Pertambahan jumlah bayaran balik ini akan ditingkatkan secara sedikit demi sedikit (*gradually*) atau sekaligus berdasarkan dua keadaan:
 - i) dengan meningkatnya pendapatan seseorang, atau
 - ii) dengan persetujuan seseorang untuk cepat melangsaikan hutang (menambah jumlah ansuran bayaran balik sukarela atau membuat bayaran sekaligus)
- c) pinjaman ini boleh diubahsuai atau dihapuskan dalam keadaan-keadaan berikut:
 - i) peminjam mengalami kecacatan secara kekal atau sementara
 - ii) peminjam meninggal dunia

8. Pengangkutan

Kerajaan hendaklah menyediakan pengangkutan percuma kepada semua pelajar ketika mereka di alam persekolahan. Pengangkutan utama seperti van atau bas mini boleh dikeluarkan oleh kerajaan dengan menggunakan teknologi dan sumber tempatan (perusahaan automotif nasional). Kos tambang akan dikira masuk ke dalam pakej pembiayaan pendidikan. Pengangkutan akan disediakan di seluruh pelusuk (mengikut stesen-stesen pengambilan yang ditetapkan), termasuk pengangkutan sambungan (*connecting transportation services*) seperti pengangkutan air (jika perlu). Pinjaman tambahan boleh dikeluarkan untuk tujuan membeli kenderaan lain seperti basikal atau motosikal dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

9. Pekerjaan

Masalah pengangguran boleh diatasi sekiranya kerajaan dapat memikul tanggung jawab menyediakan peluang-peluang pekerjaan dengan sepenuhnya, sama ada secara sementara ataupun tetap. Pengembangan sektor pengangkutan dan pinjaman pembiayaan pendidikan boleh mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Lepas-lepas sekolah di peringkat 'umur bekerja' dan institusi pengajian tinggi

boleh ditempatkan di dalam sektor ini untuk sementara sehingga mereka mendapat pekerjaan tetap di tempat lain (dalam sektor awam atau sektor swasta).

CABARAN-CABARAN SISTEM PENDIDIKAN BARU

Sesuatu perkara yang baru sememangnya tidak dapat mengelak daripada menghadapi cabaran untuk dilaksanakan. Cabaran-cabaran ini boleh wujud secara langsung atau secara sampingan. Untuk tujuan itu, cadangan dasar ini juga dilengkapi dengan beberapa justifikasi untuk menghadapi kemungkinan wujudnya soalan-soalan yang kontroversi. Di antara cabaran-cabaran kepada sistem ini adalah:

1. Faktor ideologi

Idea untuk meletakkan tanggung jawab rakyat sepenuhnya ke atas negara sering dikaitkan dengan sistem yang berkaitan dengan ideologi komunis, atau sekurang-kurangnya sosialis. Sistem pendidikan baru yang dicadangkan ini bagaimanapun agak berbeza kerana rakyat perlu membayar balik segala tanggung jawab yang dipikul oleh kerajaan dalam bentuk wang. Dalam sistem komunis atau sosialis rakyat perlu membayar balik dalam bentuk perkhidmatan tenaga kepada negara. Dari sudut ekonomi, sistem baru ini juga beroperasi dalam pasaran persaingan terbuka, di mana sektor swasta dibenarkan memainkan peranan menyediakan barangan dan perkhidmatan pilihan (*alternative*) atau gantian (*substitute*) kepada barangan dan perkhidmatan yang tidak mampu ditampung oleh sektor awam.

2. Peranan sektor swasta

Terdapat kemungkinan wujudnya keraguan dari perspektif sektor swasta sama ada mereka boleh terus memainkan peranan mereka jika kerajaan memperkenalkan sistem pendidikan baru ini. Kerajaan boleh terus membenarkan sektor swasta beroperasi secara aktif dalam sistem ekonomi negara. Sektor swasta menjadi sektor yang menyediakan barangan dan perkhidmatan pilihan (*alternative*) atau gantian (*substitute*) kepada barangan dan perkhidmatan yang tidak mampu disediakan oleh sektor awam. Ini dapat dilakukan melalui konsep membeli perkhidmatan daripada kerajaan. Contohnya, perkhidmatan pengangkutan murid-murid sekolah, menyediakan tabung pembiayaan tambahan di peringkat sekolah, dan mengadakan sekolah dan IPT swasta mengikut kurikulum kerajaan. Selain itu sektor swasta boleh terus menjalankan operasi perniagaan mereka dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan seperti yang diamalkan sekarang. Sebagai tambahan, sistem baru ini boleh meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta.

3. Peranan dan tanggung jawab ibu bapa

Terdapat beberapa isu yang berhubung kait peranan dan tanggung jawab ibu bapa dalam sistem pendidikan baru yang dicadangkan. Di antaranya ialah:

- a) ibu bapa akan merasakan mereka telahpun menanggung beban hutang sejak anak-anak mula memasuki alam persekolahan
- b) terdapat ibu bapa yang mungkin bersikap 'lepas tangan' dan meletakkan sepenuhnya tanggung jawab menyediakan pendidikan anak-anak di bahu kerajaan
- c) terdapat ibu bapa yang berkemampuan untuk membiayai sendiri persekolahan dan pengajian tinggi anak-anak merasakan mereka dipaksa untuk masuk ke dalam sistem yang bukan menjadi pilihan

Sistem yang dicadangkan ini sebenarnya untuk memastikan setiap rakyat mendapat sekurang-kurangnya pendidikan asas untuk melengkapkan diri di alam pekerjaan. Ibu bapa boleh terus memainkan peranan mereka untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik. Ini boleh dilakukan dengan menyediakan nafkah hidup terhadap anak-anak melalui pembiayaan-pembiayaan makan-minum, pakaian, buku-buku kerja, alat tulis dan memastikan pinjaman pembiayaan dibayar balik apabila sampai masanya.

Kerajaan akan memastikan bahawa pinjaman pembiayaan anak-anak tidak menjadi beban kepada ibu bapa dengan mensyaratkan bayaran balik ke atas individu yang telah mendapat pekerjaan dengan pendapatan tetap. Ibu bapa juga boleh menyediakan peluang pendidikan alternatif (dengan bayaran yang lebih sedikit) melalui pendidikan swasta kepada anak-anak sekiranya inginkan layanan yang lebih istimewa. Bagaimanapun, sistem pendidikan dan kurikulum pembelajaran akan dikawal dan diselaraskan oleh kerajaan.

KESIMPULAN

Sistem pendidikan Malaysia kini telah menjangkau usia melebihi 40 tahun. Sistem ini telah melalui beberapa perubahan dan pindaan untuk disesuaikan dengan kehendak tempatan. Walau bagaimanapun, beberapa masalah yang berhubungkait dengan sistem pendidikan yang tidak berkesan masih lagi wujud. Ini telah menimbulkan keperluan kepada satu sistem alternatif kepada sistem yang sedia ada.

Pembuatan dasar awam seperti sistem pendidikan baru ini sebenarnya melalui satu sistem yang menterjemahkan input kepada output dalam bentuk dasar-dasar awam. Bagaimanapun, kebanyakan karya penulis-penulis bidang ini lebih menumpukan kepada aspek perlaksanaan dan kesan-kesan dasar awam. Kertas ini cuba menekankan kepada aspek input dalam bentuk pandangan orang awam (*public opinion*) untuk mengutarakan (*articulate*) sesuatu dasar awam. Sistem pendidikan baru merupakan fokus kertas kerja ini.

Pengutaraan dasar (*policy articulation*) bagi satu sistem pendidikan baru Malaysia adalah penting untuk menangani beberapa masalah yang dijangka menjadi lebih serius di masa hadapan. Cadangan sistem pendidikan baru ini menggunakan pendekatan Model Holistik-Komprehensif, yakni menguruskan individu bukan sahaja semasa di alam persekolahan dan pengajian tinggi tetapi juga memastikan mereka menjadi 'individu yang berguna' untuk memberi sumbangan kepada pembangunan politik, sosial dan ekonomi negara.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. (1985). *Pembentukan Dasar Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad Atory Hussain. (1990). *Politik dan Dasar Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad Atory Hussain. (2000). *Analisis Dasar Awam: Peranan kerajaan mengatasi masalah ekonomi dalam sistem pasaran bebas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad Atory Hussain, & Malike Brahim. (2005). *Pandangan dan penilaian mahasiswa Universiti Utara Malaysia terhadap beberapa Dasar Awam ke arah mencapai perpaduan dan integrasi kaum (tidak diterbitkan)*. Sintok: UUM.
- Dunn, William N. (1994). *Public policy analysis: An introduction*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Dye, Thomas R. (1995) (8th Ed.). *Understanding public policy*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Easton, David. (1917) (transl.1984). *Kerangka kerja analisa sistem politik (terj.)* Jakarta: Bina Aksara.

- INTAN. (1994). *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Kementerian Penerangan Malaysia. (1989). *Privatisation in Malaysia. Practical aspects and implications*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed, Nadiyah Elias, Noor Azizah Ahmad, Ahmad Martadha Mohamed, & Saadon Awang. (1997). Kajian gaya hidup remaja Negeri Kedah. Kajian Perundingan dibiayai Majlis Belia Negeri Kedah, Yayasan al-Bukhary dan Universiti Utara Malaysia.
- Noraniza Yusoff, & Azlizan Talib. (2005). Polisi Pembangunan Pendidikan Tinggi Negeri Perlis: Implikasi ke atas sosioekonomi penduduk (cadangan penyelidikan). Sintok: UUM.
- Rohana Yusof, Noraniza Yusoff, Zainal Md Zan, & Haslinda Mohd Anuar. (2005). Kajian terhadap pengetahuan, amalan dan sikap berkaitan alam sekitar di kalangan pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kubang Pasu (tidak diterbitkan). Sintok: UUM.
- Saadon Awang. (2005). Cadangan sistem pendidikan baru Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Sosio-ekonomi dan Teknologi Maklumat Ke 3 (SEIT-3)*, di Hotel Putra Berasmana Kuala Perlis, anjuran Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, pada 20-21 Ogos 2005.
- Theodoulou, Stella Z., and Cahn, Matthew A. (1995). *Public policy: The essential readings*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Tatalovich, Raymond, & Daynes, Byron W. (1988). *Social regulatory policy: Moral controversies in American politics*. London: Westview Press.
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dasar Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.
- White, Jay Dixon. (1982). *Public policy analysis: Reasons, methods and praxis*. Washington: Washington State University.
- Pengetua Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim Jitra Kedah. (2005). Ucaptama dan Perasmian Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Kemara, Changlun, Kedah, pada 29hb Jun 2005.